

U GB 10-09 00163 BH249

Bah

Mahathir - Alam Sekitar

ALAM SEKITAR DIJAGA DALAM MELAKSANAKAN PROJEK, KATA PM

KUALA TERENGGANU, 10 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan memelihara alam sekitar seberapa yang boleh dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau yang melawat projek Redang Island Resort (RIR) berharga RM325 juta di Pulau Redang dekat sini berkata ini ialah kerana rakyat negara ini juga perlukan pekerjaan daripada projek-projek berkenaan.

"Kita jaga alam sekitar seberapa yang boleh tetapi nak suruh jaga sampai rakyat kita tak kerja, tak makan, susahlah sikit," tegas Dr Mahathir ketika diminta mengulas gesaan Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) supaya fasa kedua projek itu dihentikan kerana dikhuatiri menjejaskan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata badan seperti itu hanya pandai bercakap tetapi mereka tidak pernah memberikan bantuan.

Katanya, rakyat Malaysia yang menyertai pertubuhan itu sendiri tidak mengambil tahu nasib rakyat tempatan yang perlukan pekerjaan dan pendapatan lebih. -- Lagi

▼10/09/20-45MST

U GB 10-09 00190 BH251

Bah

Mahathir - Alam Sekitar 2 (Akhir) Kuala Terengganu

Dr Mahathir berkata 56 peratus daripada kawasan negara ini masih diliputi hutan dan jika dijumlah dengan kawasan ladang ia menjadi 70 peratus.

Katanya, Malaysia juga mempunyai lebih banyak pokok bagi setiap batu persegi jika dibandingkan dengan negara-negara Barat.

"Mereka yang merosakkan alam sekitar, bukan kita. Kita cuma nak cari makan sikit sahaja," tegas beliau.

Beliau berkata negara Barat mempunyai per kapita AS\$30,000 manakala Malaysia hanya AS\$3,000 sahaja dan sepatutnya mereka membantu negara ini.

Menurut Perdana Menteri, negara-negara Barat telah berjanji semasa Sidang Bumi di Rio de Janeiro tahun lepas untuk membentuk tabung bagi membantu negara-negara miskin tetapi sehingga kini, ia masih belum mengutip bantuan itu.

RIR yang dimajukan oleh sebuah anak syarikat Kumpulan Berjaya di kawasan seluas kira-kira 280 hektar menyediakan antara lain 252 bilik hotel dan chalet serta padang golf.

Turut mengikuti rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Timbalan Menteri Perusahaan Utama Datuk Tengku Mahmud Mansor dan Ketua Eksekutif Kumpulan Berjaya Tan Sri Vincent Tan. -- Bernama

SBJ OA